

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, November 3, 2019 2:50 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: EASe Bantu Kuasai Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Staf



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 NOVEMBER 2019 / 6 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Nadia Rusli
Gambar oleh: SLCP

EASe BANTU KUASAI BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN STAF



UUM ONLINE: Menguasai Bahasa Inggeris dan komunikasi berkesan adalah aset penting bagi seorang penjawat di Universiti Utara Malaysia untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik buat pelanggan.

Sehubungan itu, Unit Pembangunan Profesional (PDU) Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP) dan Unit Latihan Pendaftar telah menganjurkan kursus *English for Administrative Services* (EASe) selama sehari, baru-baru ini.

Seramai 23 orang staf dari pelbagai jabatan di UUM telah mengikuti kursus yang dirasmikan Pengurus PDU, Salmi Hussain.

Kursus ini mengandungi dua modul yang sangat penting kepada penjawat UUM iaitu *Handling Complaints* dan *Telephone Etiquette* yang dikendalikan tenaga pengajar dalam kalangan guru bahasa dari SLCP iaitu Suhada Abdul, Rasyida Ab. Rahim, Nurazwani Zakaria dan Hafizani Abdul Hamid.

Kursus *English for Administrative Services* (EASe) merupakan antara kursus komunikasi efektif yang ditawarkan oleh PDU SLCP, selain turut menawarkan pelbagai kursus bahasa dan latihan profesional untuk staf dan pelajar UUM.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.